



MALAYSIA

**Warta Kerajaan**  
**SERI PADUKA BAGINDA**  
DI-TERBITKAN DENGAN KUASA

***HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE***  
***PUBLISHED BY AUTHORITY***

Jil. 17  
No. 12

**7th Jun, 1973**

***TAMBAHAN No. 27***  
***PERUNDANGAN (A)***

**P.U. (A) 146.**

**AKTA PELAJARAN, 1961**

**KAEDAH-KAEDAH PERSATUAN IBUBAPA-GURU-GURU, 1973**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 116 dalam Akta Pelajaran, 1961, Menteri dengan ini membuat kaedah-kaedah <sup>43/61.</sup> berikut :

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-kaedah Persatuan Ibubapa-Guru-guru, 1973.** Nama.

2. Dalam kaedah-kaedah ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

“ibubapa” termasuklah seseorang penjaga dan mana-mana orang yang mempunyai kawalan di sisi undang-undang atau kawalan yang sebenarnya atas seseorang kanak-kanak;

“Menteri” ertinya Menteri yang bertanggungjawab atas pelajaran;

“pemegang-pemegang jawatan” bagi sesuatu Persatuan ertinya mana-mana orang yang telah dicalun oleh ahli-ahli Persatuan menjadi ahli jawatankuasa Persatuan itu;

“Pendaftar” ertinya Pendaftar Sekolah yang dilantik di bawah seksyen-kecil (2) seksyen 4 dalam Akta Pelajaran, 1961, berkenaan dengan kawasan di mana sekolah atau institusi pelajaran itu terletak, dan termasuklah Pendaftar Besar Sekolah yang dilantik di bawah seksyen-kecil (1) seksyen 4 dalam Akta Pelajaran, 1961.

3. (1) Maka hendaklah ditubuhkan di tiap-tiap sekolah dan institusi pelajaran bantuan penuh persatuan yang dinamakan Persatuan Ibubapa-Guru-guru (kemudian daripada ini disebut “Persatuan”) yang mengandungi:

Penubuhan dan keanggotaan Persatuan Ibubapa-Guru-guru.

(a) semua guru yang bekerja di dalamnya;

(b) ibubapa-ibubapa murid-murid yang belajar di sekolah atau institusi pelajaran itu;

(c) Guru Besar atau Pengetua sekolah atau institusi pelajaran itu sebagai ahli ex-officio.

(2) Tiap-tiap ibubapa dan guru di sekolah atau institusi pelajaran itu hendaklah disifatkan sebagai ahli Persatuan.

(3) Tiada seseorang ibubapa atau guru dikehendaki membayar apa-apa bayaran sebagai seorang ahli Persatuan.

(4) Adalah dengan ini ditetapkan bahawa Persatuan itu bukanlah suatu persatuan dalam erti mana-mana undang-undang berhubung dengan pendaftaran pertubuhan-pertubuhan.

Maksud-  
maksud,  
tujuan-  
tujuan dan  
batasan-  
batasan  
Persatuan.

4. (1) Maksud-maksud Persatuan ialah—

(a) untuk mengadakan sesuatu forum dan perkhidmatan bagi kebajikan dan kemajuan murid-murid di sekolah atau institusi pelajaran itu;

(b) untuk membantu dan menambah usaha sekolah atau institusi pelajaran pada memenuhi kehendak-kehendak dan keperluan-keperluan kebendaan murid-murid dalam kegiatan-kegiatan mereka;

(c) untuk membolehkan ibubapa-ibubapa dan guru-guru di sekolah atau institusi pelajaran itu bertukar-tukar fikiran dan maklumat mengenai pelajaran pada amnya; dan

(d) untuk memberi peluang kepada guru-guru dan ibubapa-ibubapa di sekolah atau institusi pelajaran itu berunding antara satu dengan lain berkenaan dengan cara memperbaiki taraf pelajaran anak-anak mereka pada amnya.

(2) Tujuan-tujuan Persatuan ialah—

(a) untuk menentukan supaya murid-murid di sekolah atau institusi pelajaran itu memperolehi faedah maksima daripada kemudahan-kemudahan pelajaran mereka;

(b) untuk menentukan supaya murid-murid di dalamnya mempunyai sumber-sumber yang perlu untuk membuat kerja-kerja sekolah mereka, baik di rumah mahu pun di sekolah atau institusi pelajaran itu; dan

(c) untuk mewujudkan alam sekeliling yang sebaik-baiknya bagi sekolah supaya membolehkan murid-murid mencapai perkembangan kerohanian, keakhlakan, otak dan jasmani.

(3) Kegiatan-kegiatan Persatuan hendaklah diarahkan kesemuanya kepada kebajikan dan kemajuan murid-murid di sekolah atau institusi pelajaran di mana ianya ditubuhkan.

(4) Persatuan tidak boleh memperluaskan bidangnya kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan pekerjaan dan syarat-syarat perkhidmatan guru-guru dan kakitangan-kakitangan lain di sekolah atau institusi pelajaran itu.

(5) Persatuan tidak boleh menjadi jentera bagi menyelesaikan pertikaian atau perkara-perkara lain yang berkaitan di antara Persatuan dan Guru Besar atau Pengetua atau kakitangan sekolah atau institusi pelajaran di mana ianya ditubuhkan atau Jabatan Pelajaran di masing-masing Negeri atau Kementerian Pelajaran atau Kerajaan Negeri atau Persekutuan.

5. (1) Persatuan hendaklah diorganisasikan oleh Guru Besar atau Pengetua sekolah atau institusi pelajaran mengikut mana yang berkenaan. Organisasi dan pengurusan.

(2) Persatuan hendaklah diuruskan oleh suatu jawatankuasa mengikut Perlembagaan Persatuan.

(3) Jawatankuasa hendaklah mengandungi tidak kurang daripada 5 dan tidak lebih daripada 15 orang ahli.

6. (1) Jika sesuatu Persatuan telah diorganisasikan oleh seseorang Guru Besar atau Pengetua, maka Guru Besar atau Pengetua itu hendaklah menghantar kepada Pendaftar Sekolah apa-apa butir sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Kaedah-kaedah ini. Guru Besar atau Pengetua hendaklah menghantar butir-butir.

(2) Perlembagaan atau kaedah-kaedah Persatuan yang dihantar kepada Pendaftar hendaklah mengandungi peruntukan mengenai semua perkara yang dinyatakan dalam Jadual Kedua kepada Kaedah-kaedah ini.

7. Pendaftar dan wakilnya adalah berhak menghadiri semua mesyuarat Persatuan. Hak Pendaftar untuk menghadiri mesyuarat dsb.

8. Persatuan adalah mempunyai kuasa untuk mempunyai, mengguna dan melupuskan apa-apa harta alih atau harta takalih yang mana pada pendapatnya dikira akan memudahkan ia menjalankan kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipannya di bawah Kaedah-kaedah ini. Kuasa Persatuan Ibubapa-Guru-guru untuk memiliki harta dsb.

9. (1) Maka hendaklah ditubuhkan oleh Persatuan suatu kumpulan-wang ke dalam mana hendaklah dibayar semua derma atau sumbangan daripada mana-mana ahli terhadap tujuan-tujuan Persatuan, dan kumpulanwang itu hendaklah diuruskan oleh Persatuan. Kumpulan-wang dan Odit.

(2) Persatuan hendaklah menyimpan atau mengarahkan supaya disimpan akaun yang sepatutnya dan rekod-rekod yang lain berkenaan dengan perjalanannya dan hendaklah mengarahkan supaya disediakan penyata-penyata kira-kira bagi tiap-tiap tahun kewangan.

(3) Akaun Persatuan hendaklah diodit pada tiap-tiap tahun oleh dua orang yang tidak menjadi ahli-ahli jawatankuasa dan mereka hendaklah dicalun oleh ahli-ahli Persatuan.

10. (1) Guru Besar atau Pengetua sekolah atau institusi pelajaran di mana Persatuan itu ditubuhkan hendaklah bertanggungjawab bagi membekal keperluan-keperluan perkeranian dan alatulis Persatuan itu. Pentadbiran.

(2) Segala keperluan yang lain bagi Persatuan lain daripada yang disebutkan dalam kaedah-kecil (1) hendaklah menjadi tanggungjawab Persatuan.

11. (1) Jika Pendaftar berpuashati, samada atas sesuatu aduan atau atas yang lain-lain bahawa sesuatu Persatuan atau ahli-ahlinya: Kuasa-kuasa Pendaftar berkaitan dengan perjalanan tugas-tugas.

(a) telah bertindak atau bercadang hendak bertindak secara tidak berpatutan berkenaan dengan menjalankan apa-apa kuasa yang diberi atau berkenaan dengan apa-apa kewajipan yang ditanggungkan oleh Kaedah-kaedah ini, atau oleh Perlembagaan atau kaedah-kaedah Persatuan, atau

(b) telah tidak menunaikan mana-mana kewajipan yang ditanggungkan ke atas Persatuan atau ahli-ahlinya oleh atau di bawah Kaedah-kaedah ini,

Pendaftar boleh—

- (i) memberi apa-apa arahan secara bertulis tentang menjalankan kuasa atau menyempurnakan kewajipan sebagaimana yang didapatinya mustahak dan adalah menjadi kewajipan Persatuan atau ahli-ahlinya mematuhi arahan itu; atau
- (ii) menggantung atau membuang semua atau mana-mana pemegang jawatan Persatuan dan (walau apa pun peruntukan mana-mana kaedah atau Perlembagaan Persatuan) melantik seorang atau beberapa orang sebagaimana yang difikirkannya patut bagi mempunyai dan menjalankan semua tugas pemegang-pemegang jawatan Persatuan itu bagi apa-apa tempoh yang diarahkan oleh Pendaftar.

(2) Jika tidak ada seseorang pemegang jawatan pada bila-bila masa bagi mana-mana sekolah atau institusi pelajaran, Pendaftar boleh melantik seorang atau beberapa orang sebagaimana yang difikirkannya patut bagi menjalankan tugas-tugas pemegang jawatan bagi Persatuan itu bagi apa-apa tempoh yang diarahkan oleh Pendaftar.

Tidak boleh bergabung dengan badan-badan di luar sekolah atau institusi pelajaran.

12. Persatuan yang ditubuhkan di bawah kaedah 3 tidak boleh bergabung dengan mana-mana parti politik atau badan kesatuan sekerja atau lain-lain pertubuhan atau persatuan yang didaftar atau diperbadankan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa berhubung dengannya.

JADUAL PERTAMA  
(Kaedah 6 (1))

PERMOHONAN BAGI MENDAFTARKAN SESUATU PERSATUAN

Kepada :

PENDAFTAR SEKOLAH,  
d/a Pejabat Pelajaran,  
.....

1. Butir-butir mengenai Persatuan ialah :

- (1) Nama.....  
.....
- (2) Tempat di mana urusannya akan dijalankan atau mesyuarat-mesyuaratnya akan diadakan, dan alamat posnya (jika berlainan)  
.....  
.....
- (3) Bilangan ahli-ahli sekarang ini.....  
.....
- (4) Tahun kewangan bagi Persatuan itu bermula pada.....  
.....

- (5) Nama-nama (termasuk apa-apa nama lain), nombor-nombor kad pengenalan pendaftaran negara, pekerjaan-pekerjaan dan alamat-alamat pemegang-pemegang jawatan dan jawatan-jawatan yang dipegang oleh mereka  
 .....  
 .....  
 .....
2. Dua salinan Perlembagaan/kaedah-kaedah yang diperakui bagi Persatuan dilampirkan bersama ini.

Bertarikh pada.....haribulan.....19.....

(Tandatangan).....

(Nama).....

(Jawatan).....

—  
 JADUAL KEDUA

(Kaedah 6 (2))

PERLEMBAGAAN DAN KAEDAH-KAEDAH PERSATUAN

Perkara-perkara yang peruntukan baginya mesti dibuat dalam Perlembagaan atau kaedah-kaedah bagi tiap-tiap Persatuan ialah seperti berikut—

- (a) nama dan pejabat berdaftar atau alamat pos berdaftar bagi Persatuan;
- (b) maksud-maksud dan tujuan-tujuan Persatuan;
- (c) tempat di mana mesyuarat-mesyuarat Persatuan biasanya diadakan, jika sekiranya tempat itu berlainan dengan pejabat berdaftarnya;
- (d) keanggotaan dan cara perlantikan jawatankuasa atau badan pengelola dan nama-nama jawatan, kuasa-kuasa dan tugas-tugas pemegang-pemegang jawatan bagi Persatuan;
- (e) punca-punca dari mana Persatuan akan mendapat pendapatannya;
- (f) kuasa atau kuasa-kuasa bagi membelanjakan wang Persatuan;
- (g) penyimpanan akaun-akaun pendapatan dan perbelanjaan Persatuan dan penyiaran akaun-akaun itu kepada anggota-anggotanya tiap-tiap tahun;
- (h) koram yang dikehendaki untuk menjalankan urusan dalam mana-mana mesyuarat Persatuan atau badan pengelolanya;
- (i) mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat agung tergepar; dan
- (j) cara bagaimana Perlembagaan atau kaedah-kaedah Persatuan boleh dipinda.

Diperbuat pada 22 haribulan Mei, 1973.  
 [K.P. 10066; P.N. 2689/8.]

DATUK HUSSEIN ONN,  
 Menteri Pelajaran

## EDUCATION ACT, 1961

## PARENT-TEACHER ASSOCIATION RULES, 1973

43/61. IN exercise of the powers conferred by section 116 of the Education Act, 1961, the Minister hereby makes the following rules :

Citation. 1. These rules may be cited as the **Parent-Teacher Association Rules, 1973.**

Interpretation. 2. In these Rules, unless the context otherwise requires—

“Minister” means the Minister charged with the responsibility for education;

“office-bearers” of an Association means any person who has been elected by the members of the Association to be on the committee of such Association;

“parent” includes a guardian and any person who has the legal or actual control of a child;

“Registrar” means the Registrar of Schools appointed under subsection (2) of section 4 of the Education Act, 1961, in respect of the area in which the school or educational institution is situate, and includes the Registrar General of Schools appointed under subsection (1) of section 4 of the Education Act, 1961.

Establishment and membership of Parent-Teacher Association.

3. (1) There shall be established in every fully assisted school and educational institution an association to be known as the Parent-Teacher Association (hereinafter referred to as “the Association”) consisting of :

- (a) all teachers employed therein;
- (b) the parents of the pupils attending such school or educational institution;
- (c) the Head Teacher or the Principal of the school or educational institution as an ex-officio member.

(2) Every parent and teacher in such school or educational institution shall be deemed to be a member of the Association.

(3) No parent or teacher shall be required to pay any fee as a member of the Association.

(4) It is hereby declared that the Association is not a society within the meaning of any law relating to the registration of societies.

Aims, objects and limitations of the Association.

4. (1) The aims of the Association shall be—

- (a) to provide a forum and service for the welfare and progress of pupils in the school or educational institution;
- (b) to assist and complement the efforts of the school or educational institution in meeting the material requirements and needs of the pupils in their activities;
- (c) to enable the parents and teachers in the school or educational institution to exchange ideas and information on education in general; and
- (d) to allow the teachers and parents in the school or educational institution to consult each other as to the manner of improving the standard of education of their children in general.

- (2) The objects of the Association shall be—
- (a) to ensure that the pupils in the school or educational institution obtain the maximum benefits from their educational facilities;
  - (b) to ensure that the pupils therein have the necessary resources to do their school work, both at home and in the school or educational institution; and
  - (c) to create the optimum school environment so as to enable the pupils to develop spiritually, morally, mentally and physically.
- (3) The activities of the Association shall be directed wholly to the welfare and development of the pupils in the school or educational institution where it is established.

(4) The Association shall not extend its jurisdiction to matters connected with the employment and condition of service of teachers and other staff in the school or educational institution.

(5) The Association shall not be the machinery for the settlement of disputes or other related matters as between the Association and the Head Teacher or the Principal or the staff of the school or educational institution where it is established or the Department of Education in the respective State or the Ministry of Education or the State or Federal Government.

5. (1) The Association shall be organised by the Head Teacher or the Principal of the school or educational institution as the case may be. Organisation and management.

(2) The Association shall be managed by a committee in accordance with the Constitution of the Association.

(3) The committee shall consist of not less than 5 and not more than 15 members.

6. (1) Where an Association has been organised by any Head Teacher or Principal, such Head Teacher or Principal shall submit to the Registrar of Schools such particulars as are set out in the First Schedule to these Rules. Submission of particulars by Head Teacher or Principal.

(2) The Constitution or rules of the Association submitted to the Registrar shall contain provision for all matters set out in the Second Schedule to these Rules.

7. The Registrar and his representative shall have the right to attend all meetings of the Association. Right of Registrar to attend meetings etc.

8. The Association shall have the power to own, use and dispose any movable or immovable property which in its opinion is calculated to facilitate the proper discharge of its powers and duties under these Rules. Power of Parent-Teacher Association to own property etc.

9. (1) There shall be established by the Association a fund into which shall be paid all donations or contributions from any members towards the objectives of the Association, which fund shall be managed by the Association. Fund and Audit.

(2) The Association shall keep or cause to be kept proper account and other records in respect of its operation and shall cause to be prepared statement of account in respect of each financial year.

(3) The account, of the Association shall be audited annually by two persons not being members of the committee and who shall be elected by the members of the Association.

Administra-  
tion.

10. (1) The Head Teacher or the Principal of the school or educational institution where the Association is established shall be responsible for the supply of the clerical and the stationery needs of the Association.

(2) All other needs of the Association other than those mentioned in sub-rule (1) shall be the responsibility of the Association.

Powers of  
Registrar in  
relation to  
exercise of  
functions of  
the Associa-  
tion.

11. (1) If the Registrar is satisfied, either upon a complaint or otherwise that an Association or its members :

(a) has acted or are proposing to act unreasonably with respect to the exercise of any of the powers conferred or the performance of any duty imposed by these Rules, or by the Constitution or rules of the Association, or

(b) has failed to discharge any duty imposed upon the Association or its members by or under these Rules,

the Registrar may—

(i) give such direction in writing as to the exercise or the performance of the duty as appear to the Registrar to be expedient, with which directions it shall be the duty of the Association or its members to comply; or

(ii) suspend or dismiss all or any of the office-bearers of the Association and (notwithstanding the provisions of any rule or Constitution of the Association) appoint such person or persons as he may think fit to have and exercise all the functions of such office-bearers of the Association for such period as the Registrar may direct.

(2) If at any time, for any school or educational institution there is no office-bearers in existence the Registrar may appoint such person or persons as he may think fit to exercise the functions of office-bearers for the Association for such period as the Registrar may direct.

No affiliation  
with bodies  
outside the  
school or  
educational  
institution.

12. The Association established under rule 3 shall have no affiliation with any political party or trade union body or other organisation or association registered or incorporated under any written law in force relating thereto.

FIRST SCHEDULE

(Rule 6 (1))

APPLICATION FOR THE REGISTRATION OF AN ASSOCIATION

To:

THE REGISTRAR OF SCHOOLS,  
c/o Education Department,

.....

1. The particulars of the Association are:

(1) Name.....  
.....

(2) The place where its business is to be carried on or its meeting are to be held, and its postal address (if different)  
.....  
.....

(3) Present number of members.....  
.....



(4) The Association's financial year commences on the.....

(5) The names (including any aliases), national registration identity card numbers, occupations and address of the office-bearers and the offices held by them

2. Two certified copies of the Constitution/rules of the Association are attached.

Dated this.....day of.....19.....

(Signature).....

(Name).....

(Office).....

SECOND SCHEDULE

(Rule 6 (2))

CONSTITUTION AND RULES OF ASSOCIATION

Matters for which provisions shall be made in the Constitution or rules of every Association shall be as follows:

- (a) the name and registered office or registered postal address of the Association;
- (b) the aims and objects of the Association;
- (c) the place where meetings of the Association are ordinary held, if such place be different from its registered office;
- (d) the composition and method of appointment of the committee or governing body and the designations, powers and function of the office-bearers of the Association;
- (e) the sources from which the Association shall derive its income;
- (f) the authority or authorities for expenditure from the funds of the Association;
- (g) the keeping of accounts of income and expenditure of the Association and the publications of such accounts to its members annually;
- (h) the quorum required for the transaction of business at any meeting of the Association or its governing body;
- (i) the annual general meeting and the extra ordinary general meeting; and
- (j) the manner by and which the constitution or rules of the Association may be amended.

Made this 22nd day of May, 1973.  
[K.P. 10066; P.N. 2689/8.]

DATUK HUSSEIN ONN,  
*Menteri Pelajaran*